

'Ismail Sabri akan dipanggil jika gagal kemuka dokumen isytihar harta'

Kota Kinabalu: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan dipanggil memberi keterangan semula kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika gagal mengemukakan dokumen perisytiharan harta yang diarahkan dalam tempoh dua minggu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata fasa per-

tama siasatan terhadap bekas Perdana Menteri itu sudah dilaksanakan.

“Siasatan kini beralih ke fasa seterusnya. Oleh itu, saya sudah mengarahkan untuk beliau dipanggil semula dalam masa terdekat.

“Beliau akan ditanya mengenai pengisytiharan harta yang belum selesai. Kita sedang me-

nunggu dokumen terbabit, namun jika tidak menerima dokumen diperlukan, beliau akan dipanggil untuk memperjelaskan antara lain mengenai dokumen berkenaan, kenapa lambat dan sebagainya.” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Cakna Rasuah SPRM bersama Media

Sabah, semalam.

Terdahulu, proses merekod keterangan difahamkan akan memasuki fasa yang menumpukan pengisytiharan harta.

Kali terakhir Ismail Sabri diambil keterangan oleh SPRM Putrajaya pada 24 Mac lalu, untuk siasatan kes rasuah dan penguasaan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan da-

na untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia bagi tempoh perkhidmatan dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.